

Khidmat kesihatan distruktur semula

TRANSFORMASI sistem penyampai penjagaan kesihatan memerlukan penstrukturan semula sistem kesihatan kebangsaan memabitkan sektor awam dan swasta bagi memastikan penggunaan sumber terhadap secara optimum dan mewujudkan satu sistem yang responsif serta menyediakan pilihan penjagaan berkualiti berlandaskan prinsip ekuiti.

Antara inisiatif utama dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) bagi tujuan itu ialah:

- Memperkemarkan peranan pengawal seliaan dan penyediaan perkhidmatan dengan pengasingan fungsi le-

Berita Harian 11/06/2010 M/S B7
bih jelas yang mana Kementerian Kesihatan akan memberi tumpuan terutama ke atas tadbir urus, pengawasan industri penjagaan kesihatan dan penguatkuasaan perundangan;

- Menyemak semula perundangan sedia ada dan penge-nalan peraturan baru menekan kepada penguatkuasaan akreditasi, pentauliah dan pemberian hak praktis; dan

- Mengkaji kaedah pembiayaan dengan mengambil kira peningkatan kos bagi membolehkan penjagaan kesihatan boleh diakses dan mampu bayar.

Bagi mempertingkatkan kualiti, keupayaan dan lipu-

tan infrastruktur penjagaan kesihatan, kerajaan akan memperluaskan perkhidmatan penjagaan asas dengan 197 klinik baru akan disediakan dalam dua tahun pertama RMKe-10 dengan anggaran kos RM637 juta.

Ia terdiri daripada 156 klinik di kawasan luar bandar dan 41 klinik kesihatan komuniti, manakala tambahan 50 klinik 1Malaysia akan dibina dengan perluasan skop perkhidmatan bagi golongan miskin di bandar dan kawasan lain yang kurang mendapat liputan perkhidmatan.

Selain itu, empat hospital baru dan empat hospital gan-tian dengan anggaran kos

RM600 juta akan disediakan dalam tempoh dua tahun itu.

Pemetaan penyediaan penjagaan kesihatan sedia ada dengan membuat perbandingan kawasan kurang mendapat liputan akan dilaksanakan bagi mengenal pasti jurang atau peluang menyelaras penyampaian perkhidmatan.

Klinik bergerak, perkhidmatan doktor udara dan wakil kesihatan kampung akan diperluas bagi memenuhi keperluan masyarakat di kawasan terpencil, sementara penyampaian prahospital dan penjagaan kecemasan juga akan dipertingkatkan, selain perkhidmatan penjagaan ambulatori akan diperluas.

INFO

Dalam tempoh Rancangan, akan terdapat peningkatan yang signifikan dalam keupayaan modal insan di sektor kesihatan

Nisbah profesional penjagaan kesihatan kepada penduduk

	2005	2010	2015
Doktor	1:1,380	1:920	1:597
Doktor Gigi	1:10,434	1:8,153	1:5,040
Ahli Farmasi	1:5,227	1:3,550	1:2,419
Jururawat ¹	1:592	1:472	1:200

¹ - Sektor awam sahaja
SUMBER: Kementerian Kesihatan Malaysia